

Selaras elaun Ahli Majlis PBT belum boleh dilaksanakan

Ada pihak berkuasa tempatan tidak berkemampuan naikkan kadar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sesetengah pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mampu membayar elaun Ahli Majlis biarpun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melihat adanya ke-

perluan membuat penyesuaian terhadap bayaran berkenaan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata KPKT memang melihat perlunya satu penyesuaian elaun Ahli Majlis, tetapi tidak boleh dilaksanakan kerana ada PBT yang lemah dan tidak berkemampuan.

"Kementerian juga tidak mampu menampung elaun terbabit. Buat masa ini, PBT menentukan kadar elaun untuk Ahli Majlis mereka.

"Jika pendapatan PBT itu meningkat, sudah tentu mereka boleh memberi elaun yang lebih tinggi kepada Ahli Majlis," katanya kepada media selepas menyempurnakan Majlis Pelanca-

ran Kejohanan Bola Sepak Piala YB Zuraida Kamaruddin, di padang bola Tasik Tambahan di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai keputusan kerajaan Johor untuk menaikkan kadar elaun tetap bulanan untuk Ahli Majlis PBT di negeri itu, berkuat kuasa 1 Januari ini.

Keputusan berkenaan dimaklumkan oleh Pengerusi Jawatan kuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon, selepas mengambil kira faktor kos sara hidup kini yang semakin meningkat, perbandingan kadar elaun tetap bulanan Ahli Majlis di sebahagian PBT di Semenanjung serta kekuatan kewangan PBT di Johor.

Berkuat kuasa 1 Januari ini, kadar baharu elaun tetap bulanan Ahli Majlis di PBT Johor bagi taraf Bandaraya ialah RM1,800 berbanding RM900 kadar semasa, Perbandaran (RM1,300 berbanding RM800) dan Daerah (RM1,000 berbanding RM600).

Berikutan itu, Zuraida berkata, penyesuaian elaun untuk Ahli Majlis PBT di seluruh negara belum boleh dilaksanakan kerana masih ada PBT yang tidak berkemampuan.

Katanya, elaun Ahli Majlis adalah tertakluk kepada kemampuan PBT dan bukan ditetapkan oleh kementeriannya.